



TEKS UCAPAN

**PROF. DATO' DR ASMADI BIN MOHAMED NAIM
NAIB CANSOLOR**

**PERASMIAN MAJLIS KEJOHANAN DEBAT BAHASA ARAB
PIALA NAIB CANSOLOR 2.0**

5:00 petang

**14 Oktober 2023
(Sabtu)**

**Pentas Utama Co'Fest,
UniSHAMS**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العلمين. والصلاة والسلام على رسوله الأمين.

وعلى آله وصحبه أجمعين. أما بعد:

(Bismillahirrahmannirrahim,
Alhamdulillahil Rabbi 'Alamin,
Was-solatu was-salamu 'ala Rasulihil-amin,
Wa'ala aalihi wasohbihi ajma'in.. : amma ba'du)

Salurtasi

Yang Berusaha Saudara/i Pengerusi Majlis;

Yang Berusaha

Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri bin Md. Hussain

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

Yang Berusaha

Dr. Rohani binti Desa

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Yang Berusaha

Tuan Haji Mohd Zaini bin Haji Ramli

Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi & Jaringan Industri

Yang Berusaha

Haji Mohd Fahmi bin Sheikh Omar

Pendaftar

Yang Berusaha

Puan Hajjah Molya binti Mohd Annuar

Bendahari

Yang Berusaha

Dr Nadia Murshida binti Abd Azzis

Penasihat Undang-Undang

Yang Berusaha

Dr Syauqi Bin Arshad

Dekan Kuliyyah Bahasa Arab (KBA)

Dr. Lukman Al-Hakim Bin Mad Noor

Penasihat Kelab Ittila'

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai UniSHAMS,

Wakil barisan pensyarah yang arif dalam bidang masing-masing daripada setiap kuliyyah yang mewakili Kuliyyah Bahasa Arab (KBA), Kuliyyah Usuluddin Dan Sains Al-Quran (KUSQ), Kuliyyah Syariah dan Undang-undang (KSU) dan Asasi Pengajian Islam (API).

Hadirin dan hadirat sekalian.

Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Illahi atas limpah dan Rahmat-NYA, dapat kita bersama-sama berhimpun dalam satu program akademik iaitu **Majlis Kejohanan Debat Bahasa Arab Piala Naib Canselor 2.0**.
2. Syabas diucapkan kepada para pendebat kerana telah menyahut cabaran untuk menyertai Kejohanan Debat Bahasa Arab Piala Naib Canselor 2.0 pada kali ini.

Saudara dan saudari sekalian,

3. Mewakili pihak pengurusan dan seluruh warga UniSHAMS, saya amat berbesar hati dan mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga di atas kesudian pensyarah yang dilantik bagi menjayakan program ini, pelajar-pelajar UniSHAMS yang berani menyahut peluang menjadi peserta dan ahli keluarga pelajar yang sudi melapangkan masa dan ruang untuk Bersama-sama hadir dan menyaksikan anak-anak kita berdebat pada petang ini.
4. Saya juga, ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada penganjur utama Ittila' dengan Kerjasama Pusat Hal Ehwal pelajar UniSHAMS, Kelab Student Art And Culture Club (SACC), Ikatan Mahasiswa AL-Quran Dan Usuluddin (I-MAS) dan Persatuan Mahasiswa Kuliyyah Syariah Dan Undang-Undang (Permas Syarie) yang berganding bahu selaku peneraju bagi majlis kali ini.

Mahasiswa dan mahasiswi sekalian,

5. Saya menaruh harapan bahawa kejohanan debat ini menjadi ruang di mana ilmu diselidiki dengan terarah sebagai sumber hujahan yang berkualiti, di mana kemenangan dan kemegahan bukan menjadi sandaran utama. Apa yang penting adalah keberkesanan penterjemahan mesej ilmiah yang ingin disampaikan kepada para mahasiswa melalui medium ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan penghargaan juga dirakamkan kepada semua yang terlibat menjayakan kejohanan ini. Komitmen, khidmat dan tenaga yang telah dicurahkan untuk menjayakan pertandingan ini amatlah dihargai. Semoga khidmat cemerlang tersebut mendapat semulia-mulia ganjaran daripada Allah Ta'ala.
7. Kepada para peserta, ucapan syabas dan tahniah kerana menyahut cabaran dengan mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Semoga anda sekalian mendapat manfaat melalui pencerahan ilmiah yang dinyalakan dalam Kejohanan Debat Bahasa Arab Piala Naib Canselor 2.0 ini.
8. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Kejohanan Debat Bahasa Arab Piala Naib Canselor 2.0**.
9. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

----- TAMAT -----

Disediakan oleh:

**Pejabat Naib Canselor,
UniSHAMS**

14 OKtober 2023